

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 August 2015



**PUTRAJAYAW Ogos** Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor menyerikan lagi majlis Semarak Aidilfitri anjuran Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di Ruang Legar, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan di sini malam ini.

Ketibaan beliau pada pukul 8.40 malam, disambut oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Presiden PPTD, Datuk Seri Zainal Rahim Seman.

Perdana Menteri dan isteri ke-

mudian memotong pulut kuning bagi meraikan ulang tahun PPTD yang ke-65 serta menyampaikan duit raya kepada anak-anak warga persatuan itu.

Mereka meluangkan masa lebih sejam menikmati juadah dan beramah mesra dengan tetamu sebelum meninggalkan majlis pada pukul 10 malam.

Majlis yang dihadiri kira-kira 2,500 tetamu itu disajikan dengan juadah seperti sate, ketupat, lemag, nasi beriani dan kambing golek.

Hadirin turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian penyanyi tanah air, Datuk Malik Ridzuan dan Nash dengan iringan kombo warga kerja Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor dan tarian oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan.